

Selesaikan masalah yang berikut.



1. Rajah berikut menunjukkan sebahagian invois tidak lengkap yang harus di bayar oleh Encik Khoo. Harga satu set sofa adalah 3 kali satu set meja makan.

No. Invois : 12345 Tarikh : 15 Ogos 2021			
Kuantiti	Barang	Harga Seunit	Harga
3	Set sofa	RM 4 500	
2	Set meja makan		
Tolak diskaun niaga 10%			
Jumlah			

- (a) Berapakah harga 1 set meja makan?

RM

- (b) Encik Khoo mempunyai simpanan sebanyak RM70 000. Dia membayar invois itu dengan wang simpanannya. Berapakah baki simpanannya sekarang?

RM

- (c) Encik Khoo diberi diskaun 15% bagi pembelian sebuah penyaman udara dengan harga asal RM2 400. Dia mempunyai 4 keping kupon rebat RM20. Hitung harga yang perlu dibayar jika dia menggunakan semua kupon rebat itu.

RM

2. Jadual berikut menunjukkan bil barangan yang dibeli oleh Puan Julia.

Kuantiti	Barang	Harga Seunit	Harga
2	Beras	RM 25.60	
4	Susu tepung	RM32.60	
3	Minyak masak	RM14.50	

- (a) Berapakah harga bagi 4 tin susu tepung?

RM

- (b) Puan Julia mempunyai tiga keping kupon rebat RM10. Berapakah harga yang perlu dibayar jika dia menggunakan kesemua kupon rebat itu?

RM

3. Pilihan jawapan yang betul.



Rebat

Diskaun

Liabiliti

Invois

Bil

a) Penyata bertulis tentang pembelian sesuatu barang atau perkhidmatan yang diterima.	
b) Maklumat barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan kepada pelanggan dan jumlah yang perlu dibayar oleh pelanggan.	
c) Potongan harga daripada harga asal.	
d) Potongan daripada sejumlah bayaran atau pemulangan sebahagian wang selepas pembelian barangan.	
e) Tanggungan kewangan atau hutang.	